

22 OCT 1998

Ethiopia-sambut

PERDANA MENTERI ETHIOPIA DIBERI SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Ethiopia Meles Zenawi yang tiba di sini semalam untuk lawatan lima hari diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini hari ini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh Pancaragam Pusat Regimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Kapten Norman Kamaruddin.

Zenawi, dengan diiringi oleh Dr Mahathir, juga memeriksa barisan kehormat oleh 106 pegawai dan anggota Batalion Pertama Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mejar Abdul Basit Abdul Rahman.

Beliau kemudiannya diperkenalkan kepada para menteri Kabinet dan anggota-anggota kor diplomatik.

Zenawi, yang melawat Malaysia di atas jemputan Dr Mahathir, diiringi oleh Menteri Perdagangan dan Industri republik itu Kasahaun Ayele, para pegawai kanan kerajaan dan satu delegasi sektor swasta mengandungi 43 orang.

Antara acara utama lawatan itu ialah satu mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri yang akan memberi tumpuan kepada hubungan dua hala, isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama, dan mengadap Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Dr Mahathir akan meraikan rombongan Ethiopia itu ke satu majlis makan malam rasmi di Seri Perdana malam ini.

Zenawi dan rombongannya juga akan melawat dan diberi taklimat di Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Penyelidikan Kepiawaian dan Industri Malaysia (SIRIM), dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI), Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), dan skim Felda di Serting, Bahau, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

WNZ WAT